

| | | | |
|------------|----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Kelip-kelip Selangor bakal pupus | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 12 Feb 2018 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 197,202 |
| Page No | 1,2 | Readership | 875,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 902 cm ² |
| Journalist | MOHD. HAFIZI AHMAD | AdValue | RM 23,498 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 70,495 |



Korek pasir ancam habitat kelip-kelip di Selangor



CONTOH kelip-kelip yang terdapat di Kampung Kuantan.

Pencemaran Sungai Selangor didakwa jadi punca spesies kelip-kelip di Kampung Kuantan, Kuala Selangor semakin berkurangan

KERLIPAN indah kelip-kelip di Kampung Kuantan, Kuala Selangor pada waktu malam mungkin hanya tinggal kenangan apabila habitat serangga itu kini terjejas teruk akibat aktiviti mengorek pasir yang dijalankan di Sungai Selangor.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati aktiviti mengorek pasir di satu kawasan yang terletak kira-kira tiga kilometer dari kampung itu sejak tahun 2015 menyebabkan banyak pokok berembang

atau nama saintifiknya *Sonneratia Caseolaris* yang tumbuh liar di kiri



dan kanan tebing Sungai Selangor musnah dan mati.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim (gambar kecil) berkata, Persatuan Pendayung

Kelip-Kelip Kampung Kuantan telah menyatakan kebimbangan bahawa aktiviti ekonomi mereka membawa pelancong untuk menikmati keindahan kerlipan kelip-kelip itu

dengan menyusuri Sungai Selangor pada waktu malam kini semakin tercabar akibat kegiatan mengorek pasir tersebut.

Kelip-kelip jenis *Pteroptyx tener* di Kampung Kuantan sangat unik kerana ia mengerlipkan cahaya tiga kali sesaat secara serentak.

"Jika aktiviti mengorek pasir dibiarkan beroperasi lebih lama, maka tidak mustahil Kampung Kuantan akan kehilangan ikon sebagai destinasi pelancongan kelip-kelip yang terkenal di dunia," katanya kepada *Kosmo!* semalam.



AKTIVITI mengorek pasir di Sungai Selangor menjejaskan habitat kelip-kelip di Kampung Kuantan. Timbunan pasir ini terletak tiga kilometer dari kawasan habitat kelip-kelip.



JETI Kampung Kuantan, Kuala Selangor yang menjadi tumpuan pelancong untuk melihat kelip-kelip pada waktu malam.

» BERITA DI MUKA 2

| | | | |
|------------|----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Kelip-kelip Selangor bakal pupus | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 12 Feb 2018 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 197,202 |
| Page No | 1,2 | Readership | 875,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 902 cm ² |
| Journalist | MOHD. HAFIZI AHMAD | AdValue | RM 23,498 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 70,495 |

Aktiviti korek pasir musnahkan pokok berembang habitat serangga unik Kuala Selangor

Kelip-kelip Selangor bakal pupus

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD

KUALA SELANGOR – Kelip-kelip yang menjadikan kawasan sekitar Kampung Kuantan di sini sebagai habitat kegemarannya dikhuatiri bakal pupus apabila Sungai Selangor yang menyelirinya Kuala Selangor semakin tercemar ekoran aktiviti mengorek pasir yang berlangsung sejak tahun lalu.

Kelip-kelip di Kampung Kuantan menjadi ikon sektor pelancongan di kawasan tersebut dan meningkatkan ekonomi penduduknya. Pupusnya kelip-kelip akan memberi kesan ekonomi kepada penduduk di Kampung Kuantan khususnya dan Selangor secara keseluruhannya.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim mendedahkan, kegiatan mengorek pasir di Sungai Selangor yang terletak kira-kira tiga kilometer dari Kampung Kuantan menyebabkan banyak pokok berembang yang menjadi habitat kelip-kelip musnah dan mati.

"Pokok berembang di sekitar Kampung Kuantan semakin hari semakin berkurangan kerana musnah akibat aktiviti korek pasir manakala sebahagian lagi mati akibat debu daripada pasir yang dikorek menutupi daun-daun pokok tersebut," kata beliau ketika ditemui di sini semalam.

Menurut beliau, ekoran musnahnya pokok-pokok berembang yang sebelum ini hidup meluas dan subur secara tidak langsung mengurangkan kumpulan kelip-kelip untuk terus berada di Kampung Kuantan.

"Jika aktiviti mengorek pasir dibiarkan, tidak mustahil Kampung Kuantan akan hilang ikon tarikan pelancong. Kelip-kelip



AKTIVITI korek pasir di Sungai Selangor, Kuala Selangor dikhuatiri bakal melenyapkan kelip-kelip di Kampung Kuantan. Gambar ini dirakamkan semalam.



IRMOHIZAM

SHARRILL

NORSHAH

sendiri dipercayai tidak gemar hinggap pada pokok berembang yang dipenuhi habuk," ceritanya.

Berikutan ancaman itu, Irmohizam memberitahu, beliau telah menerima aduan daripada Persatuan Pendayung Kelip-Kelip Kampung Kuantan mengenai kebimbangan mereka terhadap aktiviti mengorek pasir yang mengancam habitat kelip-kelip.

"Penduduk Kampung Kuantan banyak bergantung rezeki daripada kehadiran pelancong tetapi jika habitat kelip-kelip terancam tiada apa lagi yang penduduk boleh harapkan," katanya di sini semalam.

Justeru, kata beliau, pihaknya mencadangkan kerajaan Selangor memohon Kampung Kuantan dijadikan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan

Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bagi melindunginya daripada kemusnahan.

"Kewujudan kelip-kelip di Kampung Kuantan yang merupakan khazanah alam semula jadi Selangor sewajarnya dilindungi daripada lenyap," tegas Irmohizam.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pendayung Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Shahrill Adlan Ahmad berkata, aktiviti mengorek pasir yang berlangsung sejak tiga tahun lalu telah banyak memusnahkan kehidupan pokok berembang dan kawasan itu sendiri.

"Pegawai-pegawai Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang membuat kajian pada tahun lalu mendapati sebanyak 42 peratus kelip-kelip di Kampung Kuantan telah berkurangan berbanding pada tahun-tahun sebelum itu.

"Angka tersebut menakutkan sehingga ada dalam kalangan pendayung sampan kkuatir untuk membawa pelancong kerana takut tiada kelip-kelip," ujarinya.

Kelip-kelip di Kampung Kuantan



INFO Kelip-kelip di Kampung Kuantan

Kelip-kelip

- Sejenis serangga daripada kumpulan kumbang
- Spesies jenis *Pteroptyx tener* paling banyak ditemui di Kampung Kuantan, Kuala Selangor
- Keunikan kelip-kelip spesies ini pada ekornya yang mengeluarkan kelipan cahaya
- Kelipan cahaya dikeluarkan serangga ini adalah serentak pada setiap masa iaitu pada kadar 3 kelipan sesaat
- Ukuran kelip-kelip 6 milimeter panjang
- Kelip-kelip jantan mengeluarkan cahaya lebih terang berbanding betina untuk tujuan menarik perhatian kelip-kelip betina
- Jangka hayat kelip-kelip dianggarkan dua hingga tiga bulan



Mereka mengenakan bayaran RM20 untuk perkhidmatan mendayung selama 30 minit.

Shahrill memberitahu, kepentingan melindungi kelip-kelip di Kampung Kuantan bukan sekadar mengambil kira sumbangan ekonomi kepada penduduk tempatan tetapi identiti yang menjadikan lokasi itu terkenal dalam kalangan pelancong dan pencinta alam.

Seorang penduduk, Norshah Samsudin, 60, pula berkata, pembukaan ladang dan kebun yang berleluasa di tebing Sungai Selangor juga menyumbang kepada kemusnahan kelip-kelip.

"Setiap kali kebun dan ladang kelapa sawit dibuka, racun serangga merupakan satu keperluan kebun. Kelip-kelip akan mati jika racun itu tersebar ke habitatnya," kata Norshah.

Ketika tinjauan dibuat semalam, wartawan *Kosmo!* mendapati Sungai Selangor begitu keruh dan berkeladak.

■ Mendapan pasir halang pendaratan ikan di jeti Kompleks LKIM Kuala Selangor. Lihat berita di muka 19



Pokok Berembang

- Nama saintifiknya *Sonneratia caseolaris* iaitu sejenis pokok bakau yang tumbuh liar di tebing Sungai Selangor
- Ia memerlukan keadaan cuaca yang lembap dan persekitaran berpayau
- Pokok berembang penting kepada Kelip-kelip sebagai sumber makanan
- Ia juga penting sebagai habitat serta bertindak sebagai penapis kotoran dan racun selain mengeluarkan air bersih untuk hidupan yang terdapat di dalam sungai